



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA, 09 OGOS 2022	
1.	Jakim tunggu laporan audit JPV isu rumah sembelihan di Australia -Ayam gergasi Rm6,000 sedap dimakan
2.	Pasar 10,000 ayam kampung
3.	FGV mahu pasarkan 10,000 ayam kampung seminggu

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
09.08.2022	KOSMO	NEGARA	5

Jakim tunggu laporan audit JPV isu rumah sembelihan di Australia

PUTRAJAYA – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) masih menunggu laporan audit daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) berhubung isu halal rumah sembelihan di Australia.

Ketua Pengarahnya, Datuk Hakimah Mohd. Yusoff berkata, setakat ini, pihaknya belum menerima sebarang laporan daripada agensi berkenaan untuk tindakan susulan.

"Proses pengauditan dilakukan terus oleh pihak JPV sendiri dan kami (Jakim) pun tengah menunggu laporan mereka untuk peringkat yang seterusnya.

"Insya-Allah, nanti saya akan ulas sebab pihak Jakim sendiri belum dapat sebarang laporan dan kita pun turut menunggu kerana difahamkan ia bukan proses yang mudah," katanya kepada pemberita selepas hadir menyaksikan Mesyuarat Pemilihan Anggota Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan susulan penguatkuasaan Akta Profesion Guaman Syarie 2019 di sini semalam.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad menjelaskan, Jakim akan menghantar pasukan melakukan pengesahan

audit halal selepas loji sembelihan Thomas Food Industries (TFI) di Australia disahkan melanggar protokol halal dalam proses penyembelihannya.

Ketika ini terdapat sebanyak 84 badan pensijilan halal dari 46 negara yang telah memperoleh pengiktirafan Jakim untuk membolehkan diekspor ke Malaysia dengan mempunyai label halal sah.

Di Australia pula, difahamkan terdapat sejumlah 25 buah rumah sembelihan yang mendapat akreditasi sijil halal dengan dikeluarkan sendiri oleh pihak berkuasa Islam di negara berkenaan.



GAMBAR fail tangkapan layar video menunjukkan sebuah rumah sembelihan di Australia yang didakwa melanggar protokol halal.

Buff orpington adalah baka kedua terbesar di dunia Ayam gergasi RM6,000 sedap dimakan

MAHA 2022
Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show

Oleh **HARRITH HISHAM**

SERDANG – Selain reptilia dan lembu sado, seekor ayam gergasi baka buff orpington yang pertama di Malaysia juga turut 'dipamerkan' kepada pengunjung di Laman Ternakan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Ayam yang merupakan baka kedua terbesar di dunia itu mencuri tumpuan orang ramai, ditambah pula dengan sifat semula jadinya yang jinak.

Pemilik dan pengusaha Adik Abang Farm Enterprise, Mustapa Omar berkata, selain daripada saiz badan dan warnanya yang menyerlah, ia juga antara ayam yang paling sedap untuk dimakan.

"Ayam ini kita bawa dari Turkiye dan dibiak di sini kerana Malaysia belum ada lagi ayam baka buff orpington disebabkan harganya yang tinggi.

"Tujuan kita bawa ayam ini ekoran saiz badannya yang besar dan juga memiliki sifat semula jadi yang jinak.

"Kalau untuk makan, boleh dikatakan isi dagingnya antara yang paling sedap serta mengeluarkan telur yang lebih besar," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Selanjutnya, ayam berkenaan yang baru berusia lima bulan dan memiliki berat sebanyak 3



MUSTAPA menunjukkan ayam baka buff orpington miliknya di MAHA 2022. Serdang baru-baru ini.

kilogram (kg) boleh mencecah sehingga 13kg apabila matang.

"Kebiasaannya berat matang ayam ini akan dicapai lebih kurang setahun empat bulan. Sebab itu ia berada dalam kategori kedua baka terbesar di dunia," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mustapa berharap dengan penganjuran MAHA 2022 dapat memberi pendedahan berkaitan ternakan ayam khusus baka dari luar

negara untuk dijadikan sebagai produk komersial.

"Seperti yang kita tahu di Malaysia jenis ayam ini tidak banyak. Jadi tak salah kalau kita komersialkan baka dari luar.

"Sekarang ini kami nak fokuskan pada pembiakan dan saya galakkan ramai lagi penternak di luar untuk mencuba. Untuk separang ayam Orpington ini kita jual pada harga RM6,000, manakala RM3,500 untuk seekor," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
09.08.2022	HARIAN METRO	LOKAL	18



PENGUAT RUASA MBPJ menyita pusat penyembelihan tanpa lesen di Sekoyen 3, Petaling Jaya.

PUSAT SEMBELIHAN TANPA LESEN

Campak perut ayam dalam longkang

Petaling Jaya: Jilik dan moyakan. Itu tindakan peniaga yang dikesan membuang isi perut ayam ke dalam longkang. Selain ayam disembelih diletakkan di atas lantai.

Sikap tidak mengutamakan aspek kebersihan itu dilakukan sebuah pusat penyembelihan ayam tanpa lesen di Sekoyen 3 di sini.

Malah, lebih teruk apabila pekerja warga Bangladesh yang diupah menyembelih ayam dilapati tidak menutupkan sumber air (tifo) seperti disoalibkan untuk pekerja penyembelihan.

Suamikan (ru Mafiz Sandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menerusi Unit Kesihatan dan Alam Sekitar menyertai premis itu semasa pagi, kelmarin.

MBPJ dalam kenyataan berkata, pusat penyembelihan ayam tersebut diarahkan menutup sumber air sekitar dan kesihatan.

Pusat penyembelihan itu beroperasi sejak setahun lalu. Premis itu diarahkan menutup bilik-bilik melandaskan

300

jumlah ayam yang disembelih di pusat sembelihan.

pelepasan effluen tercemar yang tinggi. "Siasatan mendapati ayam disembelih itu dibekalkan ke Pasar Basah Pekan Lama di Jalan Othman di sini. Kaedah pemprosesan boleh mencemarkan daging kerana ayam diletakkan di atas lantai," katanya.

Menurutnya, pihaknya merampas 300 ayam yang dibawa untuk disembelih dan diproses.

"Operasi dijalankan susulan aduan penduduk sekitar lokasi yang menghidu bau busuk berpancung dari longkang berdekatan.

Susutan dijalankan mengikut Undang-undang Kecil Penjawatan Tambahan. Maklumat (MBPJ) semasa disoalibkan mengenai jumlah ayam yang disembelih dan disoalibkan mengenai aspek kesihatan," katanya.



AYAM yang disembelih di pusat sembelihan tanpa lesen.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
09.08.2022	HARIAN METRO	BISNES	25



MUSTAPA (tengah) pada Majlis Pelancaran Kerjasama Makanan Ayam Kampung FGV ALMA-Bernas & Pemasaran Ayam Kampung Ladang'57 di Serdang. - Gambar NSTP/AZHAR RAMLI

Oleh Hazwan Faisal
Mohamad
hazwanfaisal@mediapri-
ma.com.my

Serdang

FGV Holdings Bhd (FGV) melalui anak syarikatnya, FGV Integrated Farming Sdn Bhd (FGVIF) menyasar memasarkan sehingga 10,000 ayam kampung seminggu menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pertanian Bersepadu FGV, Abdul Razak Aya berkata, sebagai permulaan, pihaknya memasarkan 1,000 ayam kampung seminggu di bawah jenama Ladang'57 di pasar raya besar AEON Big seluruh negara.

Katanya, kapasiti pengeluaran dipertingkatkan secara berperingkat sehingga mencapai 10,000 seminggu menjelang penghujung tahun ini.

"Semua ayam kampung ini ditenak peserta Projek Pembangunan Peneroka (PPP) di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

Pasar 10,000 ayam kampung

Sasaran FGVIF daripada hasil ternakan peserta projek PPP, BMTKM menjelang akhir tahun ini

(Felda) dan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di bawah pengurusan pertanian kontrak.

"FGV memberi komitmen membeli semula ayam kampung ini daripada penterak dan memasarkannya di pasar raya AEON Big.

"Untuk permulaan, kami sasaran 1,000 ayam kampung seminggu sebelum ditingkatkan 10,000 menjelang akhir tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran makanan

ayam kampung FGV ALMA-Bernas dan pemasaran ayam kampung Ladang'57 di AEON Big di sini, semalam.

Pelancaran disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Mohd Nazrul Izam Mansur, Pengarah Urusan Kumpulan, Padiberas

Nasional Bhd (Bernas), Datuk Harris Fadzilah Hassan dan Pengarah Urusan, AEON

Big (M) Sdn Bhd, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed.

FGV berkerjasama dengan Bernas menghasilkan formula baharu makanan ternakan ayam kampung yang diperbuat daripada produk sampingan daripada kilang pemprosesan padi dan beras.

Inisiatif berkenaan dijangka mengurangkan 10 peratus kos pengeluaran dengan menggantikan komponen bijirin jagung import. Produk sampingan sebanyak 30,000 metrik tan setahun ini digunakan khusus untuk menghasilkan makanan ternakan ayam kampung ALMA.

Untuk permulaan,
1,000 ayam kampung
dikeluarkan seminggu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
09.08.2022	BERITA HARIAN	BISNES	26

FGV mahu pasarkan 10,000 ayam kampung seminggu

Produk di bawah jenama Ladang'57 boleh didapati di AEON Big seluruh negara

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
Hazwanfaisal@bh.com.my

FGV Holdings Bhd (FGV) melalui anak syarikatnya, FGV Integrated Farming Sdn Bhd (FGVIF), menyasarkan untuk memasarkan sehingga 10,000 ayam kampung seminggu menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pertanian Bersepadu FGV, Abdul Razak Aya, berkata sebagai permulaan, pihaknya akan memasarkan 1,000 ayam kampung seminggu di bawah jenama Ladang'57 di pasar raya besar AEON Big seluruh negara.

Katanya, kapasiti pengeluaran akan dipertingkatkan secara berperingkat sehingga mencapai 10,000 ekor seminggu menjelang akhir tahun ini.

"Semua ayam kampung ini

diternak peserta Projek Pembangunan Peneroka (PPP) di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di bawah pengurusan pertanian kontrak.

"FGV memberi komitmen yang mana kita akan membeli semula ayam kampung ini daripada penternak dan kemudian memasarkannya di pasar raya AEON Big.

"Untuk permulaan memandangkan projek ini masih baru, kita sasaran 1,000 ekor ayam kampung seminggu sebelum ditingkatkan sehingga 10,000 menjelang akhir tahun ini," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran makanan ayam kampung FGV ALMA - BERNAS dan pemasaran ayam kampung Ladang'57 di AEON Big di Serdang, semalam.

Pelancaran disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, FGV, Datuk Mohd Nazrul Izam Mansur; Pengarah Urusan Kumpulan, Padiberas Nasional Bhd (BERNAS), Datuk Harris Fadzilah Hassan dan Pengarah

Urusan, AEON Big (M) Sdn Bhd, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed.

Formulasi makanan ternakan

FGV bekerjasama dengan BERNAS untuk menghasilkan formula baharu makanan ternakan ayam kampung yang diperbuat daripada produk sampingan daripada kilang pemprosesan padi dan beras.

Inisiatif itu dijangka akan mengurangkan sebanyak 10 peratus kos pengeluaran dengan menggantikan komponen bijirin jagung yang diimport. Produk sampingan sebanyak 30,000 tan setahun ini akan digunakan khusus untuk menghasilkan makanan ternakan ayam kampung ALMA.

Mengulas lanjut, Abdul Razak berkata, dengan pengeluaran ma-

kanan ternakan ayam kampung berkhasiat ini, negara akan dapat mengurangkan kebergantungan import makanan ternakan ayam, seterusnya memastikan ketersediaan produk dan dijual pada kadar yang lebih rendah.

Sementara itu, Mustapa berkata, kerajaan amat menggalakkan FGV menerajui usaha meningkatkan jaminan bekalan makanan negara.

"Ketika ini, seramai 10 peserta BMTKM di Kampung Orang Asli Kuin Lengut di Bera di Program Pembangunan Peneroka terbahit dengan projek penternakan ayam kampung ini dan berharap usaha ini akan dapat membantu mereka untuk keluar daripada kemiskinan tegar ini," katanya.

FGV memberi komitmen yang mana kita akan membeli semula ayam kampung ini daripada penternak dan kemudian memasarkannya di pasar raya AEON Big

Abdul Razak Aya,
Ketua Pertanian Bersepadu FGV

